

17/02/1999

Tahun Arnab bawa banyak kebaikan

KUALA LUMPUR, Selasa - Masyarakat Cina menyambut Tahun Baru Cina hari ini dengan keyakinan bahawa Tahun Arnab ini, akan membawa lebih banyak tuah kepada negara, khususnya terhadap usaha untuk keluar dari kemelut ekonomi.

Rumah terbuka diadakan untuk tetamu pelbagai kaum, sekali gus menunjukkan kegawatan ekonomi yang melanda negara sejak pertengahan 1997, kini tinggal bahangnya saja.

Di ibu kota, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Datin Seri Endon Mahmood, mengunjungi rumah terbuka MCA dan Gerakan.

Ketibaan mereka di Dewan Lee San Choon, Wisma MCA, Jalan Ampang di sini pada jam 10 pagi disambut oleh Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan isteri, Datin Seri Ena Ling.

Selain tarian singa, persembahan kebudayaan Cina yang diselang selikan dengan lagu-lagu Melayu, turut diadakan.

Selepas itu, Dr Mahathir, Dr Siti Hasmah, Abdullah dan Endon mengunjungi rumah terbuka Parti Gerakan di Wisma PGRM di Cheras.

Mereka juga turut menghadiri jamuan tengah hari oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding.

Dr Ling, ketika ditemui pemberita berkata, MCA percaya tahun ini akan membawa banyak kebaikan kepada negara, sekali gus menyaksikan ekonomi pulih daripada kegawatan.

Sehubungan itu, beliau meminta rakyat berusaha ke arah pemulihan ekonomi dan menyokong penuh kerajaan yang diketuai Dr Mahathir bagi mengatasi cabaran yang bakal dihadapi.

"Ramai yang datang untuk meraikan Tahun Baru Cina sempena Tahun Arnab pada tahun ini. Daripada apa yang dijelaskan, tahun ini akan membawa banyak kebaikan dan saya percaya perubahan yang baik akan berlaku tahun ini.

"Harapan saya ekonomi negara pulih dengan cepat dan rakyat bersama berusaha ke arah itu," katanya.

DI SEREMBAN, Tahun Baru Cina disambut meriah dengan kira-kira 3,000 penduduk pelbagai kaum mengunjungi rumah terbuka MCA di Dewan Perbandaran Seremban, pagi ini.

Antara pemimpin MCA yang hadir ialah Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Wong See Wah, anggota Exco, Datuk Dr Yeow Chai Thiam dan Datuk Goh Siow Huat serta Ahli Parlimen Seremban, Datuk Hon Choon Kim. Tetamu kehormat majlis itu ialah Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad.

Selain majlis anjuran MCA, tempat seperti pusat beli-belah sekitar bandar ini dan pantai peranginan Port Dickson menjadi tumpuan ramai.

Di ALOR STAR, masyarakat Cina memulakan sambutan Tahun Baru Cina dengan bersembahyang di dua tokong utama di bandar ini, iaitu Tokong Kong Hock Keong di Simpang Kuala dan Tokong Kuan In Teng, di Sungai Korok.

Ketua keluarga membawa isteri dan anak masing-masing bersembahyang di tokong berkenaan bermula jam 6 pagi. Selepas itu, mereka pulang ke rumah untuk menerima kunjungan saudara-mara dan sahabat-handai pelbagai kaum.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan MCA Kedah, Datuk Beh Heng Seong juga Pengerusi Jawatankuasa Pengangkutan Awam, Tenaga dan Komunikasi negeri akan mengadakan rumah terbuka di Dewan Sekolah Rendah (J) Kebangsaan Choong Hwa, Gurun, esok.

Rumah terbuka MCA Kedah akan diadakan di dewan Sekolah Menengah Keat

Hwa, Jalan Pegawai, di sini, Sabtu ini.

Di KUALA TERENGGANU, sambutan Tahun Baru Cina agak meriah apabila beberapa pemimpin dan ahli perniagaan mengadakan rumah terbuka.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Alam Sekitar, Kesihatan dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Wong Foon Meng, mengadakan majlis sambutan di Dewan Tunku Abdul Rahman, antara jam 10 pagi hingga 12 tengah hari ini.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad serta beberapa ahli Exco negeri turut hadir bagi memeriahkan sambutan itu.

Di GEORGETOWN, lebih 10,000 penduduk sekitar Pulau Pinang daripada berbilang bangsa dan agama termasuk pelancong asing mengunjungi rumah terbuka Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan isteri, Puan Sri Chui Kah Peng.

Majlis di Rumah Tetamu di Jalan Macalister di sini, walaupun sederhana, meriah dibanjiri orang ramai untuk sama-sama menyambut Tahun Arnab.

Turut hadir Yang Dipertua Negeri Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir serta Timbalan Ketua Menteri, Datuk Mohd Shariff Omar serta isteri masing-masing.

Orang ramai juga turut berkunjung ke Rumah Terbuka Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) Dr Teng Hock Nan, di Jalan Park, di sini.

Di KANGAR, Tahun Baru Cina disambut sederhana tetapi meriah dengan kebanyakan masyarakat Cina mengekal tradisi menjemput kumpulan tarian singa membuat persembahan.

Kediaman dua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun), Khor Liang Tee (Indera Kayangan, merangkap Exco Kerajaan Negeri) dan Loo Yoon Foo (Titi Tinggi) adalah antara tumpuan kunjungan masyarakat berbilang bangsa.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim dan isteri, Datin Seri Shamsiah Mohd Yassin, serta Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azmi Khalid adalah antara yang berkunjung ke rumah kedua-dua Adun terbabit.

Di KUCHING, beberapa pemimpin Cina mengadakan rumah terbuka bagi membolehkan saudara mara, sahabat handai dan orang ramai mengucapkan Gong Xi Fa Cai.

Yang Dipertua Negeri Tun Ahmad Zaidi Adruce Muhammed Noor dan isteri Toh Puan Rosmiati antara pembesar negeri mengunjungi rumah terbuka anjuran Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) di Dewan Masyarakat di sini.

Majlis itu diadakan pemimpin tertinggi SUPP, antaranya Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Song Swee Guan, Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri Alfred Yap Chin Loi; Menteri Muda Pembangunan Perindustrian Sim Kheng Hui; Datuk Bandar Kuching Selatan Chan Seng Khai.

Di KOTA BHARU, sambutan juga meriah walaupun sederhana.

Ahli Dewan Undangan Negeri Kota Lama, Leong Su Siang mengadakan rumah terbuka di kediamannya di Jalan Sri Cemerlang di sini bermula 10 pagi hingga 3 petang.

Di MELAKA, rumah terbuka Pengerusi MCA negeri Datuk Gan Boon Leong di Jalan Kub dikunjungi lebih 3,000 orang sejak awal pagi.

Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabudin dan Ketua Menteri Datuk Seri Abu Zahar Isnin bersama isteri hadir sama.

Di IPOH, tanda-tanda pemulihan ekonomi mulai kelihatan apabila kebanyakan peniaga yang menjual pohon limau hiasan dan pelbagai jenis bunga, berpuas hati dengan jualan tahun ini, yang disifatkan lebih memberangsangkan berbanding tahun lalu.

Masyarakat Cina juga tidak lupa membeli limau bali atau lebih dikenali sebagai limau Tambun di sini, walaupun harganya pada musim perayaan melambung sehingga RM16 sebiji berbanding sekitar RM5 sebelum ini.

Esok, Menteri Perusahaan Utama yang juga Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik akan mengadakan rumah terbukanya di Pantai Remis manakala Dewan Perniagaan Cina Perak akan mengadakan rumah terbukanya di Jalan Tun

Sambathan di sini.

(END)